

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 3 OKTOBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1007629/kategori-kumpulan-pendapatan-disemak-semula>

### Kategori kumpulan pendapatan disemak semula



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) merangkap Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed menjawab soalan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Parlimen ke-14 bagi Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menyemak semula kategori kumpulan pendapatan berdasarkan hasil Survei Pendapatan, Perbelanjaan dan Kemudahan Asas tahun 2022 dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) 2021 – 2025 yang bermula pertengahan bulan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, analisis data survei akan dilaksanakan pada awal tahun depan dan dijangka siap pada suku pertama tahun yang sama.

Katanya, semakin ini akan mengambil kira perubahan struktur pendapatan dan perbelanjaan, kos sara hidup, demografi serta lokasi isi rumah.

"Kategori kumpulan pendapatan isi rumah yang baharu akan memantapkan lagi penggubalan dasar dan menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar," katanya pada sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) yang meminta kerajaan menyatakan perangkaan terkini butiran kategori pendapatan berkenaan isi rumah mengikut kategori B40, M40, T20 menurut pecahan tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022.

"Pada masa ini, Jabatan Perangkaan Malaysia sedang melaksanakan survei tersebut membabitkan 92,000 isi rumah bermula dari Januari 2022 hingga Disember 2022," katanya.

Jelas beliau, sampel yang secukupnya adalah penting untuk melihat corak pendapatan dan perbelanjaan isi rumah Malaysia pada tahun 2022.

"Kategori yang terkini adalah berdasarkan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas tahun 2019 iaitu B40 dengan kumpulan isi rumah berpendapatan bulanan kurang daripada RM4,850 meliputi 2.91 juta isi rumah dan M40 dengan kumpulan isi rumah berpendapatan bulanan, di antara RM4,850 hingga RM10,959 meliputi 2.91 juta isi rumah," katanya.

Seramai 1.46 juta isi rumah meliputi kategori T20 dengan kumpulan isi rumah berpendapatan bulanan sebanyak RM10,960 dan ke atas, tambah Mustapa. —  
BERNAMA